

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR
MOHD. TAHIR [TEMERLOH]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [TEMERLOH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan kesungguhan Kementerian dalam pelaksanaan Jaminan Makanan (Food Security). Walaupun Malaysia merupakan negara kedua terbaik dalam kalangan negara Asia Tenggara selepas Singapura dan tersenarai dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) di tangga 44 dari 113 negara, namun kemampuan rakyat untuk memperoleh kuantiti makanan asas berkhasiat dengan harga yang mampu jauh dari tercapai, malah semakin mahal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global 2021 (GFSI) telah diterbitkan dan kedudukan negara masih berada di tahap yang baik. Berdasarkan laporan terkini GFSI 2021, Malaysia berada di tangga ke-39 daripada 113 negara yang terlibat. Berdasarkan laporan GFSI tersebut, pencapaian Malaysia dilihat sangat baik terutamanya dalam kategori *Affordability* (Kemampuan) dengan skor 85.5 peratus dan berada di tangga ke-25 daripada 113 negara. Pencapaian ini menunjukkan kebolehcapaian makanan dalam negara masih di tahap yang baik.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) turut memantau aspek kebolehcapaian menerusi Pelan Tindakan Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 yang dirangka dengan bermatlamatkan pengukuhan sistem makanan negara bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli kepada rakyat. Ini termasuklah usaha-usaha untuk memastikan harga makanan adalah bertepatan dengan kuasa beli rakyat yang dilaksanakan dan dipantau menerusi Kluster Kebolehcapaian di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

MAFI juga telah mengatur langkah strategik dalam meningkatkan produktiviti sektor agromakanan bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dalam usaha untuk menstabilkan harga makanan menerusi:

1. pelaksanaan Program *Smart* Sawah Berskala Besar (*Smart* SBB) yang menyasarkan peningkatan purata hasil per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12);
2. pembangunan dan pemerksaan platform pemasaran produk agromakanan secara e-dagang bagi mengurangkan peranan orang tengah menerusi FAMA dan LKIM seperti Agrobazaar

SOALAN NO: 24

Online dan NEKMATBIZ serta kerjasama strategik dengan platform swasta;

3. pembangunan makanan ternakan alternatif dan pembangunan industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian selain menyumbang kepada kestabilan harga makanan; dan
4. pemberian insentif kepada pengeluaran makanan yang selamat dan sihat bagi meningkatkan ketersediaan makanan berkhasiat dengan harga berpatutan di pasaran.

Kesungguhan MAFI untuk mengekalkan kestabilan harga makanan turut diperlihatkan menerusi Jawatankuasa Bersama Antara KPDNHEP-MAFI yang merupakan platform kolaborasi strategik untuk menangani isu kenaikan harga, memandangkan kawalan harga makanan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian tersebut. Selain itu, pelaksanaan Program *Contract Farming* di bawah MAFI juga merupakan antara inisiatif yang berteraskan usaha untuk menentukan harga lantai di peringkat ladang.

Sekian, terima kasih.